

# Ekuiti RM2.6b: TH perlu buat penjelasan

**KUALA LUMPUR 29 Sept.** - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) perlu memberikan penjelasan berhubung laporan bahawa institusi itu telah melepaskan pegangan ekuiti berjumlah RM2.6 bilion sejak tiga bulan lalu.

Penganalisis ekonomi dari Putra Business School, **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** berkata, melepaskan pegangan ekuiti merupakan sebahagian daripada usaha dalam pengurusan risiko kerana mungkin Tabung Haji melihat prestasi syarikat-syarikat menurun.

Namun ujarinya, melepaskan pegangan ekuiti secara drastik terutama di dalam syarikat yang dilihat tidak mempunyai masalah yang besar seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah sesuatu yang tidak wajar ketika

Tabung Haji mempunyai tanggungjawab sendiri terutama kepada pendeposit dan bakal haji.

“Kita tahu pegangan ekuiti ini adalah sebahagian daripada pelaburannya, mesti ada yang untung ada yang tidak namun melupuskan ekuiti secara terburu-buru dan drastik adalah tidak patut. Keputusan ini perlu diberikan jawapan dan penjelasan kepada pendeposit di Tabung Haji serta bakal-bakal haji.

“Kita tidak mahu nanti pelaburan Tabung Haji makin lama makin rendah dan pulangan yang diperolehi juga makin kecil yang akhirnya nanti dibimbangi kelak tidak mampu untuk memberi subsidi kepada bakal haji. Jika itu berlaku, bakal haji perlu menanggung kos yang tinggi untuk menunaikan haji, itu antara



implikasinya,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan portal *The Malaysian Reserve* baru-baru ini bahawa Tabung Haji telah melepaskan pegangan

ekuiti berjumlah RM2.6 bilion sejak tiga bulan lalu bagi mengurangkan pendedahan kepada ketidakpastian pasaran ekuiti.

Menurut laporan berkenaan, sejak akhir bulan Jun 2019, Tabung Haji telah melupuskan keseluruhan pegangannya

dalam sembilan syarikat tersenarai termasuk FGV Holdings Bhd. (FGV), TNB dan Yinson Holdings Bhd. (Yinson)

Syarikat itu juga telah menjual sahamnya di Brahim's Holdings Bhd. (Brahim), Lion Industries Corp Bhd. (Lion Industries), Shin Yang Shipping Corp Bhd. (Shin Yang Shipping), T7 Global Bhd. (T7 Global), Notion VTec Bhd. (VTec), Cheetah Holdings Bhd. (Cheetah) dan NCK Corp Bhd.

Nilai pasaran bagi setiap pelupusan saham itu adalah sebanyak RM1.8 bilion (TNB), RM338.1 juta (Yinson), RM324.3 juta (FGV), RM23.5 juta (Lion Industries), RM10.1 juta (VTec), RM9.6 juta (T7 Global), RM7.9 juta (Shin Yang Shipping), RM4.2 juta (Brahim's) dan RM2.7 juta (Cheetah) pada suku kedua 2019.



**ABU SOFIAN YAACOB**